



MSM mahu jadi tiga pemain utama gula global

KUALA LUMPUR 25 Mac - Pengeluar gula utama negara, MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM) berazam untuk mengembangkan perniagaan gula dan menjadi antara tiga pemain teratas dunia dalam industri gula menjelang 2020.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Datuk Sheikh Awab Abod berkata, sebagai sebahagian daripada Felda Global Ventures Holdings Bhd. (FGV), kumpulan itu kini secara aktif mencari peluang penggabungan dan pengambilalihan di seluruh dunia sejajar dengan pelan pengembangannya.

"Dengan sasaran kami untuk mengeksport ke Singapura, Hong

Kong, Korea Selatan, Australia dan New Zealand, kami optimis bahawa syarikat dapat memperluaskan penguasaan pasaran kami di seluruh rantau Asia Pasifik walaupun berdepan dengan cabaran dalam industri yang sangat berdaya saing.

"Kami ketika ini telah mengeksport produk ke beberapa pasaran antarabangsa termasuk Pakistan, Filipina, Vietnam dan Indonesia. Sejajar dengan cita-cita pertumbuhan kami, syarikat menyasarkan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran kepada 1.20 juta tan pada tahun ini, berbanding kapasiti semasa sebanyak 950,000 tan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Katanya, aktiviti utama MSM ialah membekalkan produk kepada industri utama seperti makanan dan minuman, termasuk manisan dan farmaseutikal.

"Untuk melengkapkan fokus utama kami, MSM secara strategik sedang menyasarkan pasaran khusus seperti hospitaliti dan industri runcit serta pengguna isi rumah," ujar Sheikh Awab.

Selepas mencatatkan hasil yang memberangsangkan untuk tahun kewangan 2013 dengan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM358.91 juta dan perolehan RM2.21 bilion, MSM berhasrat menceburi bidang pembekalan gula cair.